

PENDAHULUAN

METODOLOGI PENULISAN HADITH DALAM TAFSIR BAHASA MELAYU : KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA TAFSIR AL-MISHBĀḤ DAN TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN

1. Pendahuluan

Melakukan kajian kepada kitab tafsir berbahasa Melayu dari pelbagai aspek sepatutnyalah mendapat pemerhatian yang serius dari kalangan para sarjana. Termasuk di antaranya dari sudut metodologi penulisan Hadith dan hukumnya. Kajian seperti ini perlu dilakukan disebabkan Hadith adalah sumber kedua paling berautoriti selepas al-Qur'an di dalam perundangan Islam. Oleh itu, setiap penulis yang menggunakan Hadith mesti menyatakan maklumat berkaitan sumber rujukannya dengan jelas kepada kitab asal dan memastikan Hadith-Hadith yang dijadikan sebagai dalil dalam kategori *maqbūl*.

Sehubungan dengan hal di atas, penulis akan melakukan penyelidikan kepada kitab tafsir bahasa Melayu terdahulu berkenaan dengan metodologi penulisan Hadithnya secara umum dan kepada *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* secara khusus dalam bentuk perbandingan bagi memastikan apakah Hadith-Hadith dalam kitab tersebut dinyatakan sumber dan hukumnya dapat diterima sebagai hujjah.

Pada bahagian pendahuluan ini, penulis akan memberi maklumat awal kajian berkaitan dengan latarbelakang dan permasalahan kajian serta apa yang menjadi objektif dalam kajian ini. Penulis juga akan mengemukakan metode

yang digunapakai bagi melaksanakan penyelidikan di samping kepentingan kajian, skop sorotan dan terhadap kajian terdahulu (*Literature Review*).

2. Latar Belakang dan Masalah Kajian

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan kepada kitab tafsir di Nusantara ataupun tafsir bahasa Melayu, didapati Hadith-Hadith yang kemukakan oleh para pengarang tidak memenuhi kriteria ilmiah dengan baik dan benar kerana sumber rujukan dan hukumnya tidak dinyatakan. Kenyataan ini dapat dilihat di antaranya dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān* oleh Muḥammad Sa'id bin 'Umar. Dalam tafsir ini Muhammad Sa'id bin 'Umar menyatakan Hadith dengan terjemah sahaja tanpa mengemukakan sumbernya¹.

Pastinya, pendekatan seperti ini dalam menggunakan hadith untuk masa kini tidak dapat dipertahankan lagi. Sebab, akan muncul shak dan keraguan dari kalangan para pembaca berkenaan dengan hukumnya apakah diterima atau ditolak. Bagi menjawab persoalan ini sudah semestinyalah Hadith-Hadith tersebut dikaji sehingga dapat dipastikan kedudukannya.

Di antara ulama Melayu yang telah berjaya menghasilkan kitab tafsir abad ini ialah M.Q. Shihab dengan karyanya *Tafsir al-Mishbāḥ* dan Abdul Hayei A.S. dengan karyanya *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Kitab *Tafsir al-Mishbāḥ* telah disiapkan oleh M.Q. Shihab sebanyak lima belas jilid mentafsirkan al-Qur'an lengkap tiga puluh juzuk. Ciri utama tafsir ini ialah mengemukakan keserasian hubungan antara ayat dengan ayat ataupun surah dengan surah dalam al-Qur'an (*Munāsabah Bayn al-Āyāt Wa al-Suwar*).

Manakala *Tafsir Pedoman Muttaqin* baru empat juzuk yang diterbitkan iaitu juzuk 1 dan 2 serta juzuk 28 dan 29. Tafsir ini ditulis sebagai kesinambungan kepada

¹ Muḥammad Sa'id bin 'Umar (1391 H), *Tafsir Nūr al-Ihsān*, Fatani : Maṭba'ah bin Halābī, j. 1, h. 16

Tafsir Pimpinan al-Raḥmān sebelumnya². Jika tafsir *Pimpinan al-Raḥmān* ditulis untuk memimpin masyarakat Islam memahami dan menghayati isi kandungan a-Qur'an, maka penulisan *Tafsir Pedoman Muttaqin* bertujuan untuk menjadi pedoman kepada orang-orang yang bertaqwa setelah mendapat pimpinan dan bimbingan.

Sebagaimana mufassir Melayu lain, M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. juga banyak menyatakan Hadith dalam tafsir mereka sebagai penjelas terhadap ayat dan penguat bagi pernyataan. Namun dalam menyatakan Hadith kedua pengarang juga tidak menyatakan sumber rujukan dan hukumnya secara pasti. Selain itu, masih banyak Hadith dikemukakan dengan terjemahan tanpa sanad dan mukharrij, bahkan ada Hadith dinyatakan secara isyarat dengan mengatakan “demikian dalam Hadith Rasulullah”. Sudah tentu, pendekatan seperti ini akan mengakibatkan kesukaran bagi para pengkaji untuk memastikan Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya.

Berdasarkan perkara di atas, kajian kepada *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* dari aspek metode penulisan Hadith perlu dilakukan untuk memastikan sumber rujukan Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya dan menentukan kedudukannya apakah diterima atau ditolak. Bagi tujuan ini, kajian analisis data akan dilakukan dengan menggunakan sumber data primer dan sekunder. Data primer diperoleh daripada kitab *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* manakala data sekunder diperoleh daripada perisian-perisian Hadith dan *Takhrīj al-Ḥadīth* serta tulisan para ulama Hadith yang berkaitan.

Kitab *Tafsīr al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* dijadikan sebagai bahan dan fokus kajian kerana di samping keduanya dikarang oleh dua tokoh yang memiliki latarbelakang pendidikan yang berbeza juga kerana dua tafsir ini dihasilkan

² Blog Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor : <http://www.drhayei.com/2010/08/tafsir-pedoman-muttaqin.html>

oleh dua tokoh Melayu yang perlu diperkenalkan kepada masyarakat Islam di Nusantara khususnya di Indonesia dan Malaysia.

Melalui kajian awal yang dilakukan, terdapat pelbagai metode penulisan Hadith dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Di antaranya ialah menyatakan Hadith dengan sanad dan mukharrij dan menyatakan Hadith tanpa sanad dan mukharrij. Selain daripada itu, Hadith-Hadith yang dibawakan oleh kedua pengarang tidak semuanya dalam kategori *maqbul* (sahih dan hasan) tetapi ada yang *mardud* (da'if dan mawdu').

3. Persoalan Kajian

Berdasarkan latarbelakang dan permasalahan kajian di atas, maka persoalan pokok yang mesti diselesaikan dalam kajian ini ialah :

1. Bagaimanakah metodologi penulisan Hadith dalam tafsir bahasa Melayu yang telah diaplikasikan oleh ramai sarjana?
2. Apakah latarbelakang penulisan *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* berkenaan dengan sejarah penulisan, biografi pengarang dan metodologi penulisannya?
3. Bagaimana metodologi penulisan Hadith yang telah diaplikasikan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*?

4. Objektif Kajian

Bagi mendapatkan jawapan kepada beberapa persoalan di atas, penulis merumuskan beberapa objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini iaitu :

1. Mengenalpasti metode penulisan Hadith dalam tafsir bahasa Melayu yang telah diaplikasikan oleh ramai serjana secara umum.

2. Mengemukakan latarbelakang penulisan *Tafsīr al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* dari aspek sejarah penulisan, biografi pengarang dan metodologi penulisan secara ringkas.
3. Menganalisis dan membandingkan metodologi penulisan Hadith M.Q. Shihab dalam *Tafsīr al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

5. Kepentingan Kajian

Kepentingan utama melakukan kajian ini ialah untuk mengenalpasti hukum Hadith-Hadith dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* apakah dalam kategori *maqbul* atau *mardud*. Seterusnya, kajian ini dilakukan agar natijah yang diperolehi dapat dijadikan panduan yang memenuhi standard ilmiah berkaitan dengan metodologi penulisan Hadith dalam pelbagai karya penulisan khasnya di Nusantara. Kajian ini juga perlu dilakukan untuk memperkenalkan *Tafsīr al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* kepada orang ramai sebagai dua karya dalam bidang tafsir yang telah dikarang oleh mufassir Melayu Nusantara.

6. Skop Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada huraian deskriptif dan analitis komparatif antara *Tafsīr al-Mishbāh*³ karya M.Q. Shihab dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* karya Abdul Hayei A.S. dari aspek metodologi penulisan, penggunaan dan hukum Hadith yang kajiannya ditumpukan kepada *Sūrah al-Baqarah*. Hadith-Hadith yang didapati pada objektif kajian akan dinilai dan dianalisis secara mendalam dengan memperhatikan pandangan para ulama terlebih dahulu.

³ Kitab yang menjadi kajian penulis ialah *Tafsīr al-Mishbāh* cetakan ke-6 yang diterbitkan oleh : Jakarta : Lentera Hati pada Februari tahun 2006.

Selain itu, penulis dalam kajian ini juga akan mengemukakan metodologi penulisan Hadith dalam kitab-kitab tafsir bahasa Melayu terdahulu yang telah diaplikasikan oleh para pengarangnya sebelum *Tafsīr al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

7. Kajian Terdahulu

Melakukan sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu yang telah dihasilkan adalah satu usaha yang mesti dilakukan oleh setiap pengkaji yang ingin menjalankan sebuah penelitian ilmiah. Kerana ia merupakan asas dalam menghasilkan penelitian baru sehingga tidak terjadi pengulangan dalam satu kajian yang objektifnya sama.

Berdasarkan penyelidikan yang penulis lakukan, terdapat beberapa kajian yang telah dihasilkan oleh para sarjana berkenaan dengan kajian perbandingan dan metodologi penulisan Hadith di dalam karya-karya ulama Nusantara dan ulama di luar Nusantara. Di antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Abdul Rashid bin Ahmad pada tahun 2003 dengan tajuk "*Tafsir al-Nasafī dan Tafsir al-Jalālayn : Satu Kajian Perbandingan*". Tesis Ph.D di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dalam kajian ini, beliau menjelaskan tentang latar belakang tiga pengarang kitab tersebut, menjelaskan manhaj pentafsiran serta mengemukakan persamaan dan perbezaan kedua-dua kitab. Di antara isu yang menjadi perbincangan utamanya ialah mengemukakan permasalahan *fiqhiyah* yang dimuat dalam *Tafsir al-Nasafī* dan *Tafsir al-Jalālayn*. Sebagai contohnya ialah berkenaan dengan hukum *sa'ī* yang disebutkan dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat 158. Abdul Rashid menyatakan, pengarang *Tafsir al-Nasafī* berpendapat *sa'ī* tidak termasuk rukun haji. Sedangkan pengarang

Tafsir al-Jalalayn berpendapat *sa'ī* adalah salah satu bahagian daripada rukun haji⁴. Abdul Rashid sama sekali tidak menyentuh perbincangan tentang metodologi penulisan Hadith dalam kajian ini.

Selepas Abdul Rashid, kajian perbandingan dilakukan oleh Firdaus bin Sulaiman pada tahun 2006. Kajiannya bertajuk *Tafsir Āyat al-Aḥkām : Kajian Perbandingan Antara Tafsīr al-Jaṣṣāṣ dan Tafsīr al-Qurṭubī*. Disertasi Sarjana di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dalam kajiannya Firdaus menjelaskan secara lengkap biografi pengarang *Tafsīr al-Jaṣṣāṣ* dan *Tafsīr al-Qurṭubī*. Beliau juga mendedahkan metodologi dan istinbat hukum yang telah dihasilkan oleh Imam al-Jaṣṣāṣ dan Imam al-Qurṭubī di dalam tafsirnya masing-masing. Firdaus menyatakan bahawa Imam al-Jaṣṣāṣ dalam menetapkan hukum lebih cenderung kepada pendapat Imam Ḥanafī, manakala Imam al-Qurṭubī lebih cenderung kepada Imam Mālik⁵. Objektif utama kajian ini ialah membandingkan pemikiran Imam al-Jaṣṣāṣ dan Imam al-Qurṭubī dalam bidang pentafsiran bukan membincangkan metodologi penulisan Hadith seperti kajian penulis.

Selain daripada kajian di atas, terdapat juga kajian dalam bentuk perbandingan iaitu kajian yang dilakukan oleh Nurzatil Ismah Binti Azizan dalam disertasi sarjananya pada tahun 2009 yang bertajuk "*Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad*

⁴ Abdul Rashid bin Ahmad (2003), *Tafsir al-Nasafī dan Tafsir al-Jalālayn : Satu Kajian Perbandingan*. Tesis Ph.D di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 168

⁵ Firdaus bin Sulaiman pada (2006), *Tafsir Āyat al-Aḥkām : Kajian Perbandingan Antara Tafsīr al-Jaṣṣāṣ dan Tafsīr al-Qurṭubī*. Disertasi Sarjana di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 171

Sa'id bin Umar dan Tafsir al-Qur'an al-Hakim oleh Mustafa Abdul Rahman : Kajian Perbandingan Metodologi Pentafsiran". Disertasi Sarjana di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pada bab pertama, pengkaji mengemukakan biografi Muhammad Sa'id dan Mustafa Abdul Rahman. Kemudian perbincangan dilanjutkan dengan memaparkan latarbelakang dan metode pentafsiran *Tafsir Nūr al-Ihsān* dan *Tafsir al-Qur'ān al-Ḥakīm*. Berdasarkan hasil kajian, pengkaji menyatakan bahawa asas pentafsiran kedua pengarang dalam menghuraikan al-Qur'an ialah mentafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an dan mentafsirkan al-Qur'an dengan Hadith di samping mentafsirkan al-Qur'an secara logika⁶.

Dalam kajian ini pengkaji juga menjelaskan tentang metode penulisan Hadith yang telah dihasilkan oleh kedua pengarang. Di antara metode yang didapati ialah menyatakan Hadith secara maksud dan tidak menyatakan sumbernya. Namun begitu, huraian metodologi penulisan Hadith tidak dinyatakan secara mendalam oleh pengkaji dan perbahasan difokuskan kepada perbandingan metodologi pentafsiran.

Seterusnya, kajian berkaitan dengan metodologi penulisan Hadith telah dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini. Seperti yang dilakukan oleh Romlah Abu Bakar Askar dalam tesis Ph.Dnya pada tahun 2004 yang bertajuk "*Hadith al-Imām al-Baghawī Dalam Tafsir Ma'ālim al-Tanzīl : Kajian Khusus Tentang Sūrah al-Fātiḥah dan al-Baqarah*". Tesis Ph.d di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁶ Nurzatil Ismah Binti Azizan (2009), *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Sa'id bin Umar dan Tafsir al-Qur'an al-Hakim oleh Mustafa Abdul Rahman : Kajian Perbandingan Metodologi Pentafsiran*. Disertasi Sarjana Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 59

Karya ini menghuraikan metodologi penulisan Hadith dan *sharḥnya* dalam Tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl* karya Imam al-Baghawī dan menyimpulkan bahawa Imam al-Baghawī bukan hanya seorang tokoh yang ahli dalam bidang tafsir tetapi juga ahli dalam bidang Hadith. Dalam menggunakan Hadith Imām al-Baghawī tidak hanya menggunakan Hadith yang sahih tetapi juga membawakan Hadith-Hadith yang lemah.

Berdasarkan Hasil kajian beliau mengatakan, Imam al-Baghawī dalam tafsirnya menyatakan Hadith tidak mengemukakan sumber rujukannya dengan jelas bahkan sebahagian Hadith dinyatakan tanpa sanad⁷. Walaupun kajian ini membahas tentang metodologi penulisan Hadith dalam tafsir tetap tidak sama dengan kajian penulis yang akan dipaparkan dalam bentuk perbandingan.

Kajian berkenaan dengan metodologi penulisan Hadith juga telah dilakukan oleh Faisal bin Ahmad Shah dalam tesis Ph.Dnya pada tahun 2007 dengan tajuk “*Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawī Dalam Baḥr al-Mādhi*”. Tesis Ph.D di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kajian ini memfokuskan kepada sumbangan al-Marbawī dalam bidang penulisan Hadith yang telah diaplikasikan dalam Kitab *Baḥr al-Mādhi* Sharah kepada Kitab *Jāmi' al-Tirmidhi*. Pengkaji memulakan kajiannya dengan membincangkan sejarah kehidupan al-Marbawī, pengenalan Kitab *Baḥr al-Mādhi* dan pengaruhnya dalam pengajian Hadith di Malaysia. Ulasan secara ringkas terhadap pengenalan *Sunan al-Tirmidhi* juga ditampilkan dalam kajian ini.

⁷ Romlah Abu Bakar Askar (2004), *Hadith al-Imām al-Baghawī Dalam Tafsir Ma'ālim al-Tanzīl : Kajian Khusus Tentang Sūrah al-Fāṭiḥah dan al-Baqarah*”. Tesis Ph.D di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 189

Metodologi penulisan yang dibincangkan dalam kajian ini ialah metodologi penulisan Hadith dalam kitab Hadith, sedangkan kajian penulis mengkaji tentang metodologi penulisan Hadith dalam dua kitab tafsir dan kajiannya dalam bentuk perbandingan.

Selain daripada kajian di atas, kajian yang sama juga dilakukan oleh Fahmi Al-Kautsar dalam disertasi sarjananya pada tahun 2004. Kajiannya bertajuk “*Metodologi Penyusunan Hadith : Di Dalam Riyāḍ al-Ṣāliḥīn Oleh al- Imām al-Nawāwī*”. Disertasi Sarjana Jabatan al-Qur’an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Fokus utama yang dibincangkan oleh Fahmi dalam kajian beliau ialah mengkaji metodologi penyusunan Hadith yang telah dihasilkan oleh Imam al-Nawawī dalam Kitab *Riyāḍ al-Sāliḥīn*. Manakala kajian penulis ialah menganalisis dan membandingkan metodologi penulisan Hadith M.Q. Shihab dalam *Tafsīr al-Mishbāḥ* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Manakala kajian terdahulu berkaitan dengan sumbangan pemikiran M.Q. Shihab telah dilakukan oleh M. Ali Munif dalam kajiannya bertajuk “*Lailat al-Qadar Menurut Pentafsiran Muhammad ‘Abduh dan Muhammad Quraish Shihab (Perspektif Surah al-Qadar)*”. Disertasi ini dikemukakan sebagai syarat untuk mendapatkan gelar sarjana di Pascasarjana, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia pada tahun 2004. Kajian ini dilakukan dalam bentuk perbandingan yang menelaah pandangan kedua ulama Muhammad ‘Abduh dan M. Q. Shihab berkenaan dengan *Laylah al-Qadr*. Objektif utama kajian ini jelas berbeza dengan objektif kajian penulis.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh M. Shobri dalam kajiannya bertajuk “*Sabar Menurut Muhammad Quraish Shihab Dalam Tafsir al-Mishbāh (Kajian Tafsir Tematik)*” pada tahun 2008. Tesis Ph.D Pasca Sarjana, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia. Dalam kajian ini beliau membahas pentafsiran M.Q. Shihab berkaitan dengan ayat-ayat sabar dalam al-Qur’an yang telah diaplikasikan dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Fokus utama kajian ini ialah menganalisis konsep sabar menelusuri kajian tematik di dalam *Tafsir al-Mishbāh*.

Dalam bentuk kertas kerja, kajian berkenaan pemikiran M.Q. Shihab ditulis oleh Said Agil Husain al-Munawwar dengan tajuk “*Pemikiran Dr. Muhammad Quraish Shihab Dibidang Hukum Islam*”, dibentangkan pada seminar hukum Islam yang diadakan oleh Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) UIN Syarif Hidayatullah di Jakarta pada 28 September 1996. Karya ilmiah ini mengkaji tentang latar belakang keperibadian M.Q. Shihab dan pemikirannya dalam bidang hukum Islam. Kajian ini tidak membincangkan tentang metodologi penulisan Hadith seperti kajian penulis.

Dalam bentuk kertas kerja juga ditulis oleh Fathurrahman bertajuk “*Pemikiran Muhammad Quraish Shihab Dalam Bidang Hukum*”. Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar yang sama dengan kajian Said Agil di atas yang tumpuan kajiannya juga mengemukakan pemikiran M.Q. Shihab dalam bidang hukum Islam.

Kajian lain berkenaan dengan M.Q. Shihab khususnya berkaitan metodologi pentafsiran telah dilakukan oleh Abdul Haris Zaini pada tahun 2006. Kajiannya bertajuk “*Metodologi Quraish Shihab Dalam Mentafsirkan al-Qur’an : Kajian Terhadap Buku Membumikan al-Qur’an*”. Disertasi ini dikemukakan oleh Abdul Haris Zaini bagi memenuhi persyaratan mendapatkan ijazah master di Jabatan

al-Qur'an dan al-Hadith, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dalam kajian ini Abdul Haris juga menjelaskan biografi M.Q. Shihab. Perbincangan utamanya ialah mengemukakan metodologi pentafsiran M.Q. Shihab dalam buku *Membumikan al-Qur'an*. Hasil kajiannya mendapati bahawa kaedah yang digunapakai oleh M.Q. Shihab dalam buku *Membumikan al-Qur'an* adalah kaedah *Mawḍū'ī* iaitu mentafsirkan al-Qur'an secara tematik, berbeza dengan pendekatan beliau dalam *Tafsīr al-Mishbāḥ*. Kajian ini juga membahas tentang metodologi pentafsiran secara khusus bukan mengkaji metodologi penulisan Hadith seperti kajian penulis.

Kajian metodologi juga telah dilakukan oleh Miftahuddin bin Kamil dalam disertasi sarjananya pada tahun 2008 yang bertajuk "*Tafsīr al-Mishbāḥ* Karangan Prof. Dr. Muhammad Quraish Shihab : Kajian Dari Segi Metodologi". Disertasi Sarjana di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dalam kajian ini, Miftahuddin menjelaskan keperibadian dan latarbelakang pendidikan M.Q. Shihab serta sumbangan dan perkhidmatan beliau terhadap masyarakat. Miftahuddin juga telah menjelaskan metodologi pentafsiran beliau dalam *Tafsīr al-Mishbāḥ* secara komprehensif. Pengkaji menyatakan bahawa ciri utama *Tafsīr al-Mishbāḥ* ialah mengemukakan munasabah antara ayat dengan ayat atau munāsabah antara surah dengan surah dalam al-Qur'an. Sedangkan berkenaan dengan metodologi penulisan Hadith M.Q. Shihab dalam *Tafsīr al-Mishbāḥ* tidak kemukakan oleh Miftahuddin dalam kajian ini.

Kajian lain yang mengemukakan perbahasan tentang M.Q. Shihab dilakukan oleh Syamruddin pada tahun 2011 dengan tajuk “*Pernikahan Antara Agama Dalam al-Qur’an : Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Azhar dan Tafsir al-Mishbāh*”. Tesis Ph.D di Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Syamruddin dalam kajian ini memfokuskan huraian kepada pemikiran Hamka dan M.Q. Shihab terhadap pernikahan antara agama. Pengkaji mendapati bahawa kedua tokoh tidak membolehkan pernikahan antara agama berbeza dengan Nurcholis Majid yang membolehkan perkara ini.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Gusmardi dengan tajuk “*Penafsiran Kontekstual Quraish Shihab Terhadap Ayat-Ayat Yang Mirip Dalam Al-Qur’an*” pada tahun 2012. Disertasi Program Pascasarjana IAIN Imam Bonjol Padang, Indonesia. Dalam kajian ini Gusmardi menyatakan bahawa dalam mentafsirkan ayat-ayat yang mirip dalam al-Qur’an M.Q. Shihab menggunakan pendekatan sosiohistoris yakni dengan memperhatikan kondisi masyarakat Indonesia. Selain itu, memperhatikan munasabah ayat juga dilakukan oleh M.Q. Shihab dalam menginterpretasikan ayat-ayat yang mirip⁸.

Berdasarkan penyelidikan yang telah dilakukan, penulis tidak mendapati ada kajian secara khusus yang mengkaji tentang perbandingan metodologi penulisan Hadith antara M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Walau bagaimanapun, kajian para pengkaji yang telah disebutkan di atas amat bermanfaat bagi penulis untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

⁸ Gusmardi (2012), *Penafsiran Kontekstual Quraish Shihab Terhadap Ayat-Ayat Yang Mirip Dalam Al-Qur’an*, Disertasi Program Pascasarjana IAIN Imam Bonjol Padang, Indonesia, h. 177.

8. Metodologi Kajian

Kajian ini akan melibatkan beberapa metode bagi mendapatkan data dan maklumat dan akan melakukan analisis terhadap data-data yang diperoleh bagi menghasilkan kesimpulan. Dalam menjalankan kajian ini, secara umum penulis menggunakan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan penganalisan data.

8.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam mengumpulkan data, penulis menggunakan beberapa metode berikut ini :

a) Kajian perpustakaan (*Library Research*).

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan semasa melakukan penelitian daripada bahan-bahan bertulis yang diterbitkan secara rasmi mahupun yang tidak rasmi seperti buku, tesis, disertasi, jurnal, artikel, makalah dan kertas kerja. Di antara perpustakaan yang dapat membantu penulis semasa melakukan penelitian ialah Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya, Pusat Perpustakaan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya (*Main Library*), Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam UKM, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM dan Perpustakaan Universiti Islam Antar Bangsa Malaysia.

b) Penyelidikan IT (*Internet*) dan *Maktabah al-Shāmilah*

Mengumpulkan data melalui internet juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian sama ada dalam bentuk teks, *sound* dan sebagainya. Manakala perisian *Maktabah al-Shāmilah* juga digunakan untuk

mencari Hadith-Hadith kepada sumber aslinya yang terdapat pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

c) Metode Temu Bual (*Interview*)

Penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan data dan maklumat berkenaan dengan biografi pengarang dan latar belakang penulisan kitab *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* serta hal lain yang berhubung kait dengan kajian.

8.2 Metode Penganalisan Data

Segala maklumat dan data-data yang diperolehi melalui proses metode pengumpulan data di atas, maka data-data tersebut akan dianalisis dan dikaji dengan teliti melalui beberapa metode berikut ini. Iaitu :

a) Metode Induktif

Penulis menggunakan metode ini bagi menganalisis data yang telah diperoleh daripada kitab kajian untuk menghasilkan satu kesimpulan umum iaitu bagi mendapatkan metodologi penulisan Hadith yang telah dihasilkan oleh kedua pengarang dalam tafsirnya masing-masing. Metode ini banyak digunakan pada bab pertama dan ke empat.

b) Metode Deduktif

Metode ini penulis gunakan untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih khusus terutamanya dalam memberikan contoh-contoh kepada metode yang telah dianalisis secara induktif daripada sumber kajian. Metode ini juga banyak digunakan pada bab pertama dan keempat.

c) Analitis Komparatif

Segala data dan maklumat yang diperoleh akan digunakan untuk dianalisis secara komparatif sehingga rumusan atau kesimpulan yang kukuh dapat dihasilkan. Metode ini secara meluas digunakan pada bab keempat terutamanya dalam membandingkan pemikiran kedua pengarang dari aspek penulisan, penggunaan dan hukum Hadith.

d) Metode Kualitatif

Kualitatif adalah metode yang berkaitan dengan kualiti dan mutu⁹. Hadith-Hadith yang menjadi data dalam kajian akan diberikan penilaian khusus daripada aspek sahih, hasan, da'if dan mawdu', dengan memperhatikan pandangan para ulama terlebih dahulu. Metode ini juga banyak penulis gunakan pada bab keempat.

9. Sistematika Penulisan

Kajian ini akan dibahagi kepada lima bab yang berasingan setelah pendahuluan sebagaimana dalam huraian di bawah ini.

Pendahuluan : Mengandungi pendahuluan, latarbelakang dan masalah kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, skop kajian, pengertian tajuk, sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab Pertama : Mengandungi landasan teori terhadap kajian. Pada bahagian ini penulis akan membincangkan tentang metodologi penulisan Hadith yang telah dihasilkan dalam beberapa tafsir berbahasa Melayu secara umum.

Bab Kedua dan Ketiga : Bab ini menampilkan pengenalan kitab *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Penulis akan mengemukakan biografi

⁹ Teuku Iskandar (2010), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 714

kedua pengarang, latar belakang penulisan kitab dan metodologi penulisannya secara ringkas.

Bab Keempat : Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian dan analisis data yang merupakan inti daripada kajian ini. Objektif utamanya ialah mengenalpasti, membandingkan dan menilai metode penulisan Hadith antara *Tafsīr al-Mishbāh* karya M.Q. Shihab dengan *Tafsir Pedoman Muttaqin* karya Abdul Hayei A.S. yang kajiannya ditumpukan kepada *Sūrah al-Baqarah*. Pada bab ini juga akan diberikan penganalisan terhadap 40 Hadith pertama pada *Sūrah al-Baqarah* dalam dua kitab tersebut dengan memperhatikan pandangan ulama terlebih dahulu.

Bab Kelima : Bab ini merupakan bahagian akhir daripada kajian ini. Ia merangkumi pendahuluan dan kesimpulan serta bibliografi sebagai penutup. Selain daripada itu dalam bab ini juga disediakan saranan cadangan sebagai langkah penyempurnaan kajian ini.